



Rujukan Kami : UMP/06.01/13.16/1 ( )  
Tarikh : 27 Mei 2022

## WARGA UMP

YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/ Mahasiswa/i,

### EDARAN PEMAKLUMAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA PIALA YB MENTERI PERPADUAN TAHUN 2022

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan surat edaran untuk makluman YH. Dato'/ Datin /  
Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/Mahasiswa/i

3. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi Puan Siti Atiqah binti Mohd  
Rusaimi di talian 03-8837164 , [siti.atiqah@perpaduan.gov.my](mailto:siti.atiqah@perpaduan.gov.my) atau Encik Mohamad  
Syahiran Sulhi bin Mazlan di talian 03-88837163, [syahiran@perpaduan.gov.my](mailto:syahiran@perpaduan.gov.my).

4.. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di  
dalam perkara sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah

**(NABILAH BINTI ZAMIMI)**

Eksekutif

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Universiti Malaysia Pahang





Ruj kami : JPN 05/05/01 (46)  
Tarikh : 27 Mei 2022

**Pengarah**

Bahagian Mahasiswa Holistik  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Aras 5, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 W.P. Putrajaya

Tuan,

**MAKLUMAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN  
KELUARGA MALAYSIA PIALA YB MENTERI PERPADUAN TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Tahun 2022** yang akan berlangsung pada 4 hingga 11 Jun 2022 adalah **ditangguhkan** dan **dipinda ke tarikh baharu** seperti butiran berikut :

- 2.1 Tarikh :
- (i) **6 & 7 Ogos 2022 (Sabtu&Ahad)  
Pusingan Awal (Dalam Talian)**
  - (ii) **12 Ogos 2022 (Jumaat)  
Pusingan Suku & Separuh Akhir (Bersemuka)**
  - (iii) **13 Ogos 2022 (Sabtu)  
Pusingan Akhir dan Majlis Penutup  
(Bersemuka)**

2.2 Tempat : **Universiti Teknologi Malaysia, Johor**

...3. Justeru itu, pendaftaran pertandingan debat **dibuka sehingga 11 Julai 2022 (Isnin)**. Adalah dipohon jasa baik pihak tuan untuk memaklumkan **perubahan tarikh baharu** pertandingan debat ini kepada semua **Universiti Awam dan Universiti Swasta di seluruh negara**. Bersama-sama ini juga disertakan **tentatif pertandingan, syarat-syarat dan peraturan pertandingan serta borang pendaftaran** pertandingan melalui **Google Form** di pautan <https://forms.gle/Xg85mHWTV883iUqK8>.

Ruj kami : JPN 05/05/01 ( 46 )  
Tarikh : 27 Mei 2022


5. Untuk sebarang pertanyaan, tuan boleh menghubungi **Puan Siti Atiqah Binti Mohd Rusaimi** di talian **03-8837164**, [siti.atiqah@perpaduan.gov.my](mailto:siti.atiqah@perpaduan.gov.my) atau **Encik Mohamad Syahiran Sulhi Bin Mazlan** di talian **03-88837163**, [syahiran@perpaduan.gov.my](mailto:syahiran@perpaduan.gov.my).

5. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZULKIFLI BIN HASHIM)**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
b.p. Ketua Pengarah

s.k. : i) Pengarah Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, JPNIN

**TENTATIF DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA PIALA  
YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2022**

**PUSINGAN AWAL – ALAM MAYA**

<b>TARIKH / HARI</b>	<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
<b>6 Ogos 2022 (Sabtu) PUSINGAN AWAL</b>	8.30 pagi – 9.00 pagi	Persediaan Peserta
	9.00 pagi – 9.15 pagi	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	9.15 pagi – 9.45 pagi	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	9.45 pagi – 11.00 pagi	<b>Pusingan Pertama</b>
	11.00 pagi – 11.30 pagi	Rehat
	11.30 pagi 11.45 pagi	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	11.45 pagi – 12.15 tengahari	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	12.15 pagi – 1.00 tengahari	<b>Pusingan Kedua</b>
	1.00 tengahari – 2.30 petang	Solat, Rehat dan Makan
	2.30 petang – 2.45 petang	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	2.45 – 3.15 petang	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	3.15 petang – 4.30 petang	<b>Pusingan Ketiga</b>
4.30 petang	Bersurai	

**PUSINGAN AWAL – ALAM MAYA**

<b>TARIKH / HARI</b>	<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
<b>7 Ogos 2022 (Ahad) PUSINGAN AWAL</b>	8.30 pagi – 9.00 pagi	Persediaan Peserta
	9.00 pagi – 9.15 pagi	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	9.15 pagi – 9.45 pagi	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	9.45 pagi – 11.00 pagi	<b>Pusingan Keempat</b>
	11.00 pagi – 11.30 pagi	Rehat
	11.30 pagi 11.45 pagi	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	11.45 pagi – 12.15 tengahari	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	12.15 pagi – 1.00 tengahari	<b>Pusingan Kelima</b>
	1.00 tengahari – 2.30 petang	Solat, Rehat dan Makan
	2.30 petang – 2.45 petang	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	2.45 – 3.15 petang	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	3.15 petang – 4.30 petang	<b>Pusingan Octo Final</b>
4.30 petang	Bersurai	

**PUSINGAN KALAH MATI – FIZIKAL**

<b>TARIKH / HARI</b>	<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
<b>12 Ogos 2022 (Jumaat) PUSINGAN SUKU AKHIR DAN SEPARUH AKHIR</b>	8.30 pagi – 9.00 pagi	Persediaan Peserta
	9.00 pagi – 9.15 pagi	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	9.15 pagi – 9.45 pagi	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	9.45 pagi – 11.00 pagi	<b>Pusingan Suku Akhir</b>
	11.00 pagi – 11.30 pagi	Rehat
	11.30 pagi 11.45 pagi	<i>Roll call</i> peserta dan hakim
	11.45 pagi – 12.15 tengahari	Pemberian Usul & Persediaan Pasukan
	12.15 pagi – 1.00 tengahari	<b>Pusingan Separuh Akhir</b>
	1.00 tengahari	Solat, Rehat dan Makan Bersurai

**TENTATIF PUSINGAN AKHIR DAN MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA PIALA YB MENTERI  
PERPADUAN NEGARA TAHUN 2022**

**TARIKH : 13 OGOS 2022 (SABTU)**

**TEMPAT : DEWAN SULTAN ISKANDAR (DSI)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Masa	Perkara
8.00 pagi	Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Negara (Peringkat Akhir) : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Daftar Masuk Pengerusi (Yang Di-Pertua) Pertandingan Akhir Debat</li> <li>• Daftar Masuk Jemputan</li> <li>• Daftar Masuk Hakim (7 orang), Penjaga masa dan Dua Pasukan Debat Akhir</li> <li>• Daftar Masuk Dif-Dif Kehormat</li> </ul>
9.30 pagi	Ketibaan Perasmi
10.00 pagi	Nyanyian Lagu Negaraku
	Bacaan Doa
	Lafaz Ikrar Rukun Negara
	Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Negara (Peringkat Akhir) bermula
	Ucapan oleh :- Presiden SRN Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
	Ucapan oleh :- <b>Professor Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail</b> Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
	Ucapan perasmian oleh :- <b>YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique</b> Menteri Perpaduan Negara
	Persembahan Montaj
	Persembahan Selingan daripada Pelajar SRN UTM
	Rumusan daripada Ketua Hakim
	Pengumuman Keputusan Pertandingan
	Sesi Penyampaian Hadiah dan Sesi Bergambar
1.00 petang	Makan Tengahari / Bersurai

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN  
PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA  
PIALA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2022**

**1. SISTEM PERATURAN DAN PERTANDINGAN**

**1.1 AM**

- a. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Negara Tahun 2022.
- b. Peraturan ini disediakan oleh Jawatankuasa Penghakiman dan Teknikal Debat Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM).
- c. Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Negara Tahun 2022 untuk kategori Bahasa Melayu.
- d. Tafsiran peraturan ini merupakan hak mutlak MADUM. MADUM mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Kehakiman dan Teknikal Pertandingan MADUM.

**1.2 TAFSIRAN**

- a. 'Ketua Hakim' dan 'panel hakim' bermaksud individu yang dilantik oleh Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) untuk memegang jawatan-jawatan yang tersebut.
- b. 'Ketua Hakim' bertanggungjawab mengatur serta keseluruhan urusan penghakiman dan teknikal pertandingan.
- c. 'IPTA' bermaksud Institut Pendidikan Tinggi awam di Malaysia.
- d. 'IPTS' bermaksud Institut Pendidikan Tinggi swasta di Malaysia.
- e. 'IPG' bermaksud Institut Pendidikan yang melatih bakal-bakal guru di Malaysia.
- f. 'POLITEKNIK' bermaksud Pusat Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus Sains dan Teknikal di Malaysia.

**1.3 STRUKTUR PERTANDINGAN**

Pertandingan ini dianjurkan untuk Kategori Bahasa Melayu menggunakan format Debat Ala Parlimen Malaysia.

**2. PENYERTAAN**

- 2.1 Setiap universiti hanya boleh menghantar maksimum SATU (1) pasukan yang terdiri daripada tiga (3) pendebat utama dan satu (1) pendebat simpanan.



### 3 KELAYAKAN

3.1 Untuk melayakkan diri menyertai pertandingan ini, pendebat hendaklah merupakan mahasiswa sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama di IPT yang diwakili mereka. Semua anggota pasukan hendaklah terdiri daripada penuntut IPT yang sama. Pengesahan bahawa mereka adalah penuntut IPT berkenaan hendaklah dilakukan oleh pihak IPT masing-masing. Peserta hanya boleh berdebat untuk pasukan yang mendaftarkannya sahaja.

3.2 Setiap IPT yang menyertai pertandingan ini perlulah menubuhkan Sekretariat Rukun Negara di IPT masing-masing. Mana-mana IPT yang belum menubuhkan Sekretariat Rukun Negara, perlu menubuhkan Sekretariat Rukun Negara semasa atau selepas pertandingan dilaksanakan.

3.3 Setiap pasukan hendaklah memenuhi syarat penyertaan dengan menyediakan barisan pendebat seperti berikut:

- a) Wajib mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) pendebat yang akan bersidang yang terdiri daripada pendebat BUKAN Melayu, seperti Cina, India, Bumiputera Sabah atau Bumiputera Sarawak;
- b) Jika sesebuah pasukan terdiri daripada DUA (2) pendebat bukan Melayu yang akan bersidang, maka pasukan itu diwajibkan mempunyai SATU (1) pendebat Melayu dalam pasukan tersebut;
- c) Contoh komposisi pendebat untuk rujukan seperti di bawah:

Contoh Komposisi/ Barisan Pendebat	Dibenarkan	Dibenarkan	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
Pendebat pertama yang bersidang	Melayu	India/Cina/ Bumiputera	Melayu	India
Pendebat kedua yang bersidang	India/Cina/ Bumiputera	Melayu	Melayu	Cina
Pendebat ketiga yang bersidang	India/Cina/ Bumiputera	Melayu	Melayu	India


- 3.4 Semua pasukan hendaklah mengisi dan menghantar borang deklarasi maklumat peserta/pendebat yang mengandungi butiran kaum kepada pihak Jawatankuasa Pertandingan, selowalnya TIGA (3) hari sebelum pertandingan dijalankan mengikut kaedah yang akan dimaklumkan oleh pihak Jawatankuasa Pertandingan. Pihak Jawatankuasa Pertandingan (perlu merujuk dan pengesahan daripada Jawatankuasa Penghaklman dan Teknikal Debat) berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak memenuhi syarat kepeibagaian kaum yang ditetapkan.
- 3.5 Pengesahan perkara 3.1 dan 3.2 hendaklah dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar Institusi Pengajian Tinggi ("IPT") masing-masing.
- 3.6 Setiap IPT hanya boleh menghantar SATU (1) pasukan untuk mewakili IPT masing-masing.
- 3.7 Penyertaan adalah terhad kepada 50 pasukan terawal didaftarkan sahaja.
- 3.8 Pasukan yang bertanding hendaklah mengisi borang dalam talian yang disediakan oleh pihak penganjur. Segala maklumat yang diberikan adalah hanya bagi tujuan pertandingan dan rekod pihak penganjur.

#### 4 SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan ini akan menggunakan sistem *power match* berkumpulan kaedah *swiss*. Sistem ini akan digunakan untuk menentukan pasukan yang akan berlawan dan juga peranan mereka sebagai kerajaan atau pembangkang.
- 4.2 Selepas perdebatan yang pertama, kedudukan setiap pasukan akan ditentukan dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:
  - a) Jumlah Mata menang/kalah
  - b) Jumlah Juri
  - c) Jumlah Margin
  - d) Jumlah Markah Keseluruhan
- 4.3 Untuk pusingan kedua, pasukan-pasukan yang menang dalam pusingan pertama akan dikelompokkan dalam satu kumpulan dan pasukan-pasukan yang kalah pula akan dikelompokkan dalam satu kumpulan lain. Penentuan seterusnya akan dibuat berdasarkan kedudukan dalam kumpulan-kumpulan yang tersebut.
- 4.4 Selepas setiap perdebatan, kedudukan setiap pasukan akan ditentukan semula seperti kaedah yang digunakan di atas. Pusingan awal biasanya terdiri daripada LIMA (5) perdebatan atau lebih, bergantung kepada jumlah keseluruhan pasukan yang bertanding. Ini memberi peluang kepada semua pasukan untuk membuktikan kebolehan perdebatan mereka.
- 4.5 Melalui kaedah *power match* berkumpulan, ada kemungkinan bahawa pasukan akan bertanding dengan pasukan lawan yang sama lebih daripada sekali.
- 4.6 Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk perdebatan pertama akan ditentukan secara rambang. Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk perdebatan yang seterusnya akan ditentukan mengikut peranan setiap pasukan dalam perdebatan yang sebelumnya. Selalunya, penentuan sesebuah pasukan adalah berdasarkan jumlah pasukan tersebut menjadi kerajaan.
- 4.7 Penentuan peranan (kerajaan/pembangkang) untuk perdebatan pusingan suku akhir, separuh akhir dan akhir adalah dibuat berdasarkan undian atau lambungan syiling di hadapan ketua pasukan masing-masing.
- 4.8 Selepas selesai kesemua pertandingan dalam pusingan awal, kedudukan pasukan akan ditentukan berdasarkan kriteria-kriteria seperti yang berikut:
  - a) Jumlah Mata menang/kalah
  - b) Jumlah Juri
  - c) Jumlah Margin
  - d) Jumlah Markah Keseluruhan

4.9 Lapan (8) pasukan dengan kedudukan teratas akan layak ke pertandingan suku akhir. Pertandingan suku akhir dan separuh akhir akan dijalankan secara kalah mati. Penentuan pasukan untuk pusingan kalah mati adalah seperti berikut:-

**PENENTUAN PASUKAN UNTUK PUSINGAN KALAH MATI  
(Bermula dari pusingan Suku Akhir)**



## 5 MASA PERSEDIAAN

5.1 Usul perdebatan akan dimaklumkan 30 minit sebelum permulaan perdebatan. Sebarang masa perjalanan adalah termasuk dalam 30 minit berkenaan. Perbincangan hanya boleh disertai oleh tiga (3) pendebat dan (1) pendebat simpanan yang mengambil bahagian SAHAJA. Penggunaan telefon bimbit atau alat-alat komunikasi lain selepas cabutan usul sehinggalah tamat perdebatan adalah **DILARANG SAMA SEKALI**.

5.2 Mana-mana pasukan yang gagal menghadiri perdebatan selepas 15 minit dari masa permulaan perdebatan akan dikira kalah.

## 6 STRUKTUR PERDEBATAN

6.1 Perdebatan dijalankan dalam Bahasa Melayu mengikut format debat ala Parlimen Malaysia.

6.2 Seliap pusingan debat mempunyai dua (2) pasukan iaitu pasukan Kerajaan (pencadang) dan pasukan Pembangkang. Seliap pasukan terdiri daripada tiga (3) orang pendebat.

6.3 Pasukan Kerajaan terdiri dari Perdana Menteri dan dua (2) orang anggota kerajaan manakala pasukan Pembangkang terdiri daripada Ketua Pembangkang dan dua (2) orang anggota pembangkang:

6.4 Seliap pendebat perlu menyampaikan ucapan substantif. Ucapan gulungan bagi pihak kerajaan dan pembangkang boleh disampaikan sama ada oleh pendebat pertama atau kedua daripada pihak masing-masing.

6.5 Had waktu dan susunan ucapan bagi seliap pendebat adalah seperti berikut:

### 6.5.1. Ucapan Substantif

a. Perdana Menteri/Pencadang Pertama	7 minit
b. Ketua Pembangkang/Pembangkang Pertama	7 minit
c. Anggota Pertama Kerajaan/Pencadang Kedua	7 minit
d. Anggota Pertama Pembangkang/Pembangkang Kedua	7 minit
e. Anggota Kedua Kerajaan/Pencadang Ketiga	7 minit
f. Anggota kedua Pembangkang/Pembangkang Ketiga	7 minit

### 6.5.2. Ucapan Penggulungan

a. Gulungan/Rumusan Pembangkang	4 minit
b. Gulungan/Rumusan Kerajaan	4 minit

**Jumlah Waktu Keseluruhan Perdebatan** 50 minit

- 6.6 Untuk setiap ucapan substantif, loceng akan dibunyikan sekali setelah satu (1) minit masa berlalu bagi menandakan pasukan lawan sudah boleh melakukan celahan/meminta penjelasan, dan sekali lagi pada satu (1) minit terakhir bagi menandakan masa untuk membuat celahan telah tamat. Loceng akan dibunyikan dua kali apabila masa ucapan pendebat tamat.
- 6.7 Untuk ucapan penggulungan, loceng akan dibunyikan sekali pada akhir minit ketiga dan dua kali apabila masa ucapan tamat.
- 6.8 Pendebat yang melebihi had masa berucap sehingga 30 saat akan diberi amaran oleh Yang DiPertua Dewan (Speaker). Pendebat akan diminta menamatkan ucapan.

## 7 PERANAN SETIAP PASUKAN

- 7.1. Peranan pihak kerajaan adalah untuk menyokong usul. Mereka perlu mendefinisikan usul, memberikan hujahan/kes yang menyokong usul, dan menjawab sebarang cabaran yang diberikan oleh pihak pembangkang terhadap hujahan usul mereka.
- 7.2. Peranan pihak pembangkang adalah untuk membangkang usul. Mereka perlu menjawab definisi kerajaan dengan hanya sama ada MENERIMA atau MENOLAK sahaja. PINDAAN terhadap definisi adalah TIDAK DIBENARKAN. Mereka juga perlu memberikan hujahan/kes untuk membangkang usul, dan menjawab sebarang cabaran yang diberikan oleh pihak Kerajaan.

## 8 PENGHAKIMAN

- 8.1 Seboleh-bolehnya, setiap perdebatan akan dihakimi oleh satu panel hakim. Bilangan hakim mestilah ganjil.
- 8.2 Pada pusingan awal, seorang hakim akan bertindak sebagai Ketua Hakim. Dalam pusingan akhir.
- 8.3 Tuan Yang Di Pertua Dewan (di kalangan urusetia yang dilantik) bertanggungjawab menjemput pendebat berucap, menjaga ketertiban majlis dan tertakluk kepada peraturan ini, membuat keputusan tentang sebarang aspek tatacara dan prosedur perdebatan yang mungkin dipertikalkan.
- 8.4 Para hakim mestilah:
- I. Membuat keputusan pasukan yang menang dan kalah. Keputusan seri tidak dibenarkan.
  - II. Menentukan pendebat terbaik untuk sidang yang dihakimi.
  - III. Mengisi borang markah dengan lengkap.
  - IV. Tidak menyampuk atau memberikan sebarang komen semasa perdebatan berjalan.
  - V. Memberikan alasan penghakiman atas keputusan yang dibuat.
- 8.5 Ketua Hakim mestilah mengisytiharkan keputusan kepada pasukan yang bertanding dan memberi alasan/sebab terhadap keputusan yang dicapai oleh panel hakim dalam komentar yang TIDAK MELEBIHI SEPULUH (10) MINIT.
- 8.6 Panel hakim tidak boleh berbincang dan mestilah mencapai keputusan dengan sendiri.

- 8.7 Jika keputusan sebulat suara tidak dapat dicapai, maka keputusan majoriti akan diterima pakai. Pindaan terhadap sebarang keputusan tidak dibenarkan selepas penyerahan keputusan.
- 8.8 Keputusan Panel Hakim adalah muktamad dan markah-markah yang dicatatkan oleh mereka adalah sulit dan rahsia.
- 8.9 Walaubagaimanapun, Ketua Hakim Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan 2022 berhak mengumumkan sebarang perubahan keputusan jika mendapati keputusan mempunyai kesilapan dalam aspek pengiraan markah.
- 8.10 Sebarang kesulitan atau bantahan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pertandingan.

## 9 PEMARKAHAN

- 9.1 Setiap ucapan substantif akan diberi markah maksimum 100 markah berdasarkan kepada:
- a) Isi 40 markah
  - b) Gaya/Penyampalan 40 markah
  - c) Tatacara/Kaedah 20 markah
- 9.2 Isi mestilah relevan kepada usul yang diperdebatkan. Isi akan diadili dari segi kesesuaian dengan usul yang diperdebatkan, pengembangan dan penjelasan hujah, fakta dan contoh yang digunakan serta bidasan yang berkesan terhadap hujahan pihak lawan.
- 9.3 Tatacara akan diadili dari segi:
- a. Keberkesanan penyusunan dan struktur ucapan Pendebat.
  - b. Keberkesanan penyusunan dan struktur kes sesuatu pasukan secara keseluruhan.
  - c. Kesenambungan hujah/fakta.
  - d. Kerja sepasukan.
- 9.4 Gaya penyampalan akan diadili dari segi kesesuaian dan keberkesanan gaya penyampalan hujahan. Penyampalan yang mempunyai nilai bujukan yang tinggi serta dapat menarik perhatian penonton akan dipandang positif oleh hakim (dengan syarat lainya membantu hujahan).
- 9.5 Ucapan penggulungan akan diberikan markah maksimum 50 berdasarkan kepada nisbah permarkahan ucapan substantif seperti yang tersebut di atas.
- 9.6 Kriteria utama pemarkahan adalah nilai bujukan ucapan lalau sejauh mana ucapan itu benar-benar meyakinkan dan memberikan sokongan terhadap usul satu-satu pasukan dan konteks perdebatan.
- 9.7 Penggunaan bahan bantuan luar (buku, carta, majalah dan selainnya) semasa perdebatan berlangsung adalah dilarang sama sekali.
- 9.8 Semua peserta hendaklah berkelakuan sopan dan penuh tertib semasa pertandingan.

## 10 FAKTA BARU

- 10.1 Tidak sebarang 'fakta baru' dibenarkan dalam ucapan substantif pendebat ketiga dan ucapan gulungan mana-mana pasukan (kerajaan atau pembangkang). Contoh baru ialah bukan fakta baru. Hujahan atau fakta dikira "baru" kecuali:

- a) Telah digunakan dalam mana-mana hujahan terdahulu
- b) Merupakan bidasan terhadap hujahan pasukan lawan.

## 11 DEFINISI

- 11.1. Tugas memberikan definisi usul perdebatan yang wajar dan boleh dibahaskan adalah hak dan tanggungjawab pihak kerajaan.
- 11.2. Pihak pembangkang boleh:
  - a) menerima definisi kerajaan secara keseluruhan/mutlak,
  - b) menolak secara keseluruhan/mutlak dan mengemukakan definisi alternatif.
- 11.3. Pihak pembangkang boleh menolak definisi pihak kerajaan secara keseluruhannya hanya jika;
  - 11.3.1. Definisi pihak kerajaan tidak mempunyai kaitan yang kuat dengan maksud sebenar usul.
  - 11.3.2. Definisi pihak kerajaan adalah 'truisitik', iaitu tidak boleh dibangkang dengan hujahan rasional.
  - 11.3.3. Definisi pihak kerajaan berdasarkan kepada pendefinisian yang terlalu spesifik ataupun hanya melibatkan masa dan tempat yang tidak masuk akal.

## 12 CELAHAN

- 12.1 Celahan dalam konteks ini bermaksud penjelasan yang diminta oleh pihak lawan bagi memperjelaskan fakta penting yang ditimbulkan oleh pendebat yang sedang berucap. Celahan hendaklah ringkas dan bersangkutan dengan apa yang sedang dibincangkan oleh pendebat tersebut. Markah akan diberikan untuk celahan dan jawapan celahan yang efektif/berkesan.
- 12.2 Pendebat yang sedang berucap mempunyai hak mutlak sama ada menerima atau menolak celahan yang cuba diberikan. Bagaimanapun, penolakan celahan yang berterusan atau penerimaan yang keterlaluan sehingga menjejaskan kualiti ucapan pendebat tersebut harus dipandang serius oleh hakim. Pertandingan ini tidak menetapkan had maksimum atau minimum bagi setiap pendebat menerima celahan.
- 12.3 Celahan yang diberikan hendaklah tidak melebihi 15 saat. Loceng akan dibunyikan selepas masa 15 saat. Jika celahan belum selesai, pendebat yang memberi celahan hendaklah duduk serta merta.
- 12.4 Celahan tidak boleh diminta sebelum berakhir minit pertama dan pada minit terakhir mana-mana ucapan substantif. Celahan tidak boleh diminta dalam ucapan penggulangan.
- 12.5 Hanya ahli daripada pihak lawan yang boleh meminta celahan. Pendebat hendaklah memberi isyarat jika ingin mencelah dengan cara yang sesuai seperti berdiri, mengangkat tangan, membuat permohonan dan sebagainya.

12.6 Pendebat yang sedang berucap boleh menerima atau menolak celahan dengan memberi isyarat fizikal atau memberitahu secara lisan. Jika ditolak, pendebat yang ingin meminta celahan hendaklah duduk dan menunggu peluang lain.

12.7 Apabila celahan diterima, pendebat yang sedang berucap tidak boleh menjawab selagi pendebat yang meminta celahan belum selesai mencelah atau peruntukan masa selama 15 saat yang diberikan belum selesai (mana yang terdahulu). Pendebat tidak wajar memotong celahan yang telah diminta oleh pihak lawannya apabila telah diterima.

### 13 BANTAHAN SEMASA PERDEBATAN SEDANG BERLANGSUNG

13.1 Bantahan dalam konteks ini adalah bantahan yang diajukan oleh pendebat kepada Yang Di Pertua Dewan / Ketua Hakim Pertandingan semasa perdebatan sedang berlangsung bagi menarik perhatian beliau terhadap pelanggaran sebarang peraturan perdebatan seperti;

- a. Penggunaan aksi atau bahasa yang kurang sopan dalam perdebatan.
- b. Pengenalan fakta baru semasa ucapan substantif pendebat ketiga atau ucapan gulungan, atau
- c. Mana-mana pendebat yang telah melebihi 30 saat had masa yang diperuntukkan.

13.2 Keputusan Yang Di Pertua Dewan / Ketua Hakim Pertandingan sama ada untuk menerima atau menolak bantahan yang dikemukakan adalah muktamad.

13.3 Jika bantahan diterima, Yang Di Pertua Dewan / Ketua Hakim Pertandingan boleh mengarahkan pendebat yang terbabit agar mematuhi peraturan yang dibangkitkan dan masa yang digunakan untuk membuat bantahan akan dikira dari masa pendebat yang sedang berucap. Sebaliknya jika bantahan ditolak, pendebat terbabit akan diberikan masa tambahan bagi menggantikan masa yang telah digunakan semasa bantahan tersebut.

### 14 USUL PERDEBATAN

14.1 Usul-usul perdebatan hanya akan dimumkan kepada peserta 30 minit sebelum perdebatan di setiap pusingan bermula.

14.2 Khusus untuk pertandingan ini, usul adalah bertemakan Perpaduan yang merangkumi bidang politik, ekonomi, sosial, undang-undang, sukan, sains dan teknologi dan sebagainya.

14.3 Penentuan usul adalah berdasarkan kepada ketetapan dan keputusan oleh Ketua Hakim Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Negara 2022.

### 15 RAYUAN

15.1 Keputusan hakim adalah muktamad.

15.2 Sekiranya terdapat apa-apa bantahan teknikal, pasukan boleh mengemukakan bantahan secara bertulis kepada Jawatankuasa Penghakiman dan Teknikal Pertandingan untuk dipertimbangkan.



- 15.3 Jika Jawatankuasa Penghakiman dan Teknikal Pertandingan mendapati berlaku sebarang kesilapan atau kecacatan semasa pengendalian sesuatu perdebatan (yang berkaitan dengan perkara teknikal sahaja), usaha akan dibuat agar tidak ada kepentingan mana-mana pihak yang terjejas. Jika perlu, hakim dan peserta akan diberitahu tentang isu berbangkit agar tidak berulang.

Dikemaskini oleh:

**JAWATANKUASA PENGHAKIMAN DAN TEKNIKAL  
PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA  
PIALA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA 2022  
MAJLIS DEBAT UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MADUM)  
(19/04/2022)**

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN**  
**(SISIPAN PERATURAN TAMBAHAN – PERTANDINGAN SECARA ALAM MAYA)**  
**PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA**  
**PIALA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2022**

Sisipan ini mengandungi syarat-syarat dan peraturan tambahan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penghaklman dan Teknikal Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala Menteri Perpaduan Negara 2022 bagi memenuhi dan menangani keperluan semasa pertandingan secara dalam talian.

1. **AM**
  - 1.1 Peraturan tambahan ini diterima pakai untuk Pertandingan Debat Perpaduan Keluarga Malaysia Piala YB Menteri Perpaduan Negara 2022.
  - 1.2 Tafsiran peraturan ini adalah hak mutlak Ketua Jawatankuasa Penghaklman dan Teknikal Pertandingan dan keputusan Ketua Jawatankuasa Penghaklman dan Teknikal Pertandingan adalah muktamad.
  - 1.3 Ketua Jawatankuasa Penghaklman dan Teknikal Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.
  
2. **SESI PERDEBATAN DALAM TALIAN**
  - 2.1 Pertandingan akan diadakan menggunakan platform yang ditetapkan dan diuruskan oleh Jawatankuasa Pertandingan (Teknikal Alam Maya) yang dilantik oleh Ketua Hakim Pertandingan.
  - 2.2 Bagi memastikan kelancaran pertandingan secara dalam talian, setiap peserta yang bertanding perlu memastikan akses Internet yang baik dan bagi tujuan pertandingan ini, disarankan sekurang-kurangnya minimum 50/mbps. Tanggungjawab untuk memenuhi keperluan Internet adalah di bawah seliaan pegawai/pengurus pasukan masing-masing. Sebarang isu berkaitan akses di luar tanggungjawab penganjur.
  - 2.3 Semua peserta mesti berada di dalam talian/platform Zoom sekurang-kurangnya lima belas (15) minit sebelum setiap pusingan bermula (Klausa Ini dibaca bersama Perkara 3.1).
  - 2.4 Sekiranya terdapat masalah teknikal Internet sewaktu sesi perdebatan berlangsung, keputusan akhir bagi menentukan sesi tersebut diberikan kepada Ketua Hakim

Pertandingan di dalam sidang tersebut yang dilantik oleh Jawatankuasa Penghakiman dan Teknikal Perlawanan (Klausu ini dibaca bersama Perkara 3.2).

- 2.5 Bilik (*breakout room*) persediaan debat (30 minit sebelum pusingan bermula) akan disediakan di platform Zoom untuk kedua-dua pasukan (Kerajaan dan Pembangkang) oleh Jawatankuasa Pertandingan (Teknikal Alam Maya). Semua pasukan mesti mematuhi arahan yang diberikan oleh pihak pengurusan pertandingan.
- 2.6 Selepas tamat perdebatan, peserta tidak dibenarkan meninggalkan *breakout room* sehingga hakim selesai menyampaikan keputusan pertandingan dan penghakiman lisan.
- 2.7 Selepas tamat penghakiman lisan, semua peserta dan hakim akan kembali ke bilik utama di platform Zoom untuk pengumuman selanjutnya oleh Jawatankuasa Penghakiman dan Teknikal Pertandingan.

### 3. MAKLUMAN TATACARA SEKIRANYA BERLAKU PERMASALAHAN TEKNIKAL KETIKA PERTANDINGAN DEBAT MELIBATKAN PENDEBAT

- 3.1 Peserta Tidak Dapat Masuk ke Zoom Sebelum Persidangan Bermula
  - a. Masa 15 minit diberikan kepada peserta untuk masuk ke platform zoom
  - b. Alternatif Yang Dibenarkan Dalam Tempoh 15 Minut Yang Diberikan;
    - i. Semak Internet dan masuk semula ke platform Zoom.
    - ii. Meminta rakan sepasukan menukar posisi/peranan 1 dan 2.
    - iii. Bercakap menggunakan telefon rakan (*loud speaker*) melalui Zoom rakan sepasukan.
    - iv. Jika segala alternatif di atas masih gagal juga untuk membolehkan peserta masuk ke Zoom/memulakan giliran penghujahan, maka YDP akan terus memulakan persidangan. Justeru, jika pendebat tersebut adalah Perdana Menteri, maka Ketua Pembangkang akan dijemput bagi memulakan persidangan dengan kes yang sedia ada.
- 3.2 Peserta Terkeluar Daripada / Tidak Dapat Masuk ke Zoom Selepas Persidangan Bermula
  - a. Pendebat diberikan masa sehingga 10 minit untuk masuk semula ke bilik sidang Zoom.
  - b. Alternatif yang dibenarkan dalam tempoh 10 minit yang diberikan;
    - i. Semak Internet dan masuk semula ke platform Zoom
    - ii. Meminta rakan sepasukan menukar posisi/ peranan 1 dan 2 HANYA JIKA mana-mana ahli pasukan masih belum berdebat.
    - iii. Bercakap menggunakan telefon rakan (*loud speaker*) melalui Zoom rakan sepasukan.
    - v. Jika segala alternatif di atas adalah gagal juga untuk membolehkan peserta masuk ke Zoom/memulakan giliran penghujahan, maka YDP akan terus

memulakan persidangan. Justeru, jika pendebat tersebut adalah Perdana Menteri, maka Ketua Pembangkang akan dijemput bagi memulakan persidangan dengan kes yang sedia ada.

**Nota:** Tertakluk kepada perubahan berdasarkan keadaan semasa.

Dikemaskini oleh:  
**JAWATANKUASA PENGHAKIMAN DAN TEKNIKAL**  
**PERTANDINGAN DEBAT PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA**  
**PIALA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA 2022**  
**MAJLIS DEBAT UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MADUM)**  
**(19/04/2022)**